

Kerajaan tidak rampas Kg Baru

BH 14 JAN 1992

Oleh Wan Hamidi Hamid dan Wan Sabariah Shikh Ali

KUALA LUMPUR, Isnin — Kerajaan tidak akan 'menyamun' harta penduduk Kampung Baru melalui projek pembangunan semula yang dicadangkan di kawasan itu, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, kerajaan perlu mengkaji siapa yang berhak dan berapa jumlah yang mampu dibayar kepada pemilik tanah yang akan diambil dalam projek pembangunan semula itu.

Katanya, kerajaan mungkin tidak dapat melaksanakan langsung projek pembangunan semula Kampung Baru jika tidak mempunyai kewangan yang mencukupi.

"Kalau kita tidak cukup duit (untuk membayar pampasan) tentulah kita tidak boleh membuat sebarang projek apa pun. Kalau kita tidak cukup duit, mungkin projek membangunkan semula Kampung Baru akan ter-

bengkalai dan Kampung Baru akan terus menjadi Kampung Baru yang lama," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir juga menjelaskan mengenai kekeliruan jumlah pampasan yang diumumkan oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Drs Suleiman Mohamad.

"Tidak ada peruntukan untuk membayar ganti rugi berjuta-juta ringgit seperti yang dilaporkan. Sebenarnya, ia adalah kesilapan Datuk Drs Suleiman ketika memberi kenyataan kepada pihak akhbar," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata, pada masa ini kerajaan belum membuat sebarang keputusan mengenai jumlah tanah yang akan diambil atau pemilik yang terbabit.

Ini kerana, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta belum selesai menjalankan kerja penilaian

dan mengukur tanah yang akan diambil.

Beliau berkata demikian di sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di sini, hari ini.

Jumaat lalu, Datuk Drs Suleiman mengumumkan kerajaan memperuntukkan \$400 juta atau \$1.6 juta seorang sebagai pampasan kepada 640 pemilik tanah.

Fasa pertama projek pembangunan semula Kampung Baru dicadangkan di sepanjang Jalan Raja Abdullah dan Jalan Raja Muda Abdul Aziz.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, asas penilaian kadar kos tanah yang hendak diambil mestilah munasabah.

"Harus diingat jika kos tanah terlalu tinggi menyebabkan kerajaan tidak dapat menempatkan orang Melayu apabila pembangunan semula selesai dilaksanakan," katanya.